




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
25 November 2025



KOSMO! SELASA 25 NOVEMBER 2025



SEKTOR pembuatan antara bidang yang menawarkan kekosongan pekerjaan ketika ini. - GAMBAR HIASAN

Banyak kerja kosong gaji RM3,000 ke atas



DEWAN
RAKYAT

KUALA LUMPUR - Pasaran kerja tempatan menunjukkan perkembangan positif apabila sebanyak 247,889 kekosongan jawatan bergaji RM3,000 dan ke atas ditawarkan tahun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, perkembangan itu menandakan peningkatan ketara peluang pekerjaan berpendapatan pertengahan dalam pelbagai sektor utama.

"Berdasarkan data Pertubuhan Keselamatan Sosial dari Januari hingga 14 November 2025, terdapat 108,826 kekosongan aktif yang diiklankan di Portal MYFutureJobs berbanding 464,534 pencari kerja aktif.

"Secara kumulatif, sebanyak 1.1 juta kekosongan jawatan telah diiklankan sejak Januari hingga 30 September 2025, berbanding 1.5 juta bagi keseluruhan tahun 2024," katanya ketika menjawab soalan Azli Yusof (PH-Shah Alam) di per-

sidangan Dewan Rakyat di sini.

Menurut Abdul Rahman, lima sektor utama menyumbang kepada lonjakan peluang pekerjaan bergaji RM3,000 ke atas itu ialah maklumat dan komunikasi, aktiviti perkhidmatan pentadbiran dan sokongan, pembuatan, profesional serta kewangan dan insurans.

Sektor maklumat dan komunikasi mencatat jumlah tertinggi dengan 55,269 jawatan, diikuti perkhidmatan pentadbiran dan sokongan (34,391), pembuatan (33,866), profesional dan teknikal (24,849) serta kewangan dan insurans (21,459).

Menurut Abdul Rahman, bagi 2024 sebanyak 339,916 kekosongan jawatan menawarkan gaji RM3,000 ke atas, manakala tahun ini jumlahnya mencecah hampir 250,000.

Jawatan yang ditawarkan meliputi pelbagai bidang berkemahiran tinggi termasuk perunding aplikasi, pembangun pangkalan data SQL, pemborong perniagaan, pakar rantaian bekalan, perolehan serta perunding perisian.

"Statistik ini membuktikan pasaran pekerjaan negara semakin berkembang dan menawarkan persaingan lebih sihat, terutama kepada pencari kerja yang mahukan gaji melebihi paras gaji pertengahan," katanya.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	25 November 2025
Ruang	Negara
Muka Surat	8

Kes *maid scammer* meningkat, catat kerugian lebih RM260,000

KUALA LUMPUR – Kes penipuan pengambilan pembantu rumah warga asing tidak berlesen atau *maid scammer* meningkat apabila 15 kes direkodkan antara Januari hingga Oktober lalu.

Ia merangkumi separuh daripada keseluruhan 30 kes yang dilaporkan sejak 2023 melibatkan

kerugian kerugian RM260,972.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, peningkatan ketara itu didorong taktik sindiket yang semakin agresif menggunakan iklan palsu dan tawaran dalam talian untuk memperdaya mangsa.

"Pada 2023 sebanyak 11 kes direkodkan, manakala pada 2024 hanya empat, sebelum angka melonjak kepada 15 tahun ini.

"Sepanjang tempoh sama, sebanyak 13 pendakwaan telah diambil terhadap agensi pekerjaan swasta (APS) yang melanggar Akta Agensi Pekerjaan

Swasta 1981, termasuk kesalahan merekrut tanpa lesen, gagal mematuhi syarat lesen dan tiada dokumen pengenalan diri," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd. Shahar Abdullah (**PN-Paya Besar**) mengenai tindakan kerajaan membanteras penipuan

serta memastikan hanya APS berlesen dibenarkan beroperasi.

Abdul Rahman menegaskan hanya agensi berlesen dibenarkan mengurus proses pengambilan pembantu rumah di bawah Akta 246 dan kementerian komited memperkukuh penguatkuasaan.

y f HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 13

lokal

30 kes penipuan 'maid scammer' babit kerugian RM260,972

Kuala Lumpur: Sebanyak 30 kes penipuan membabitkan pengambilan pembantu rumah tidak berlesen atau *maid scammer* direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh Januari 2023 hingga Oktober tahun ini dengan jumlah kerugian keseluruhan RM260,972.

Tinbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, daripada jumlah itu, 11 kes direkodkan pada 2023, empat (2024) dan peningkatan ketara kepada 15 kes tahun ini.

"Peningkatan kes penipuan pengambilan pembantu rumah ini didorong taktik sindiket yang semakin agresif menggunakan iklan palsu dan tawaran dalam talian.

"Dalam tempoh sama, 13 pendakwaan diambil terhadap agensi pekerjaan swasta (APS) di bawah Seksyen 7 (merekrut tanpa lesen); Seksyen 9 (gagal mematuhi syarat lesen) dan Seksyen 13D iaitu tiada dokumen pengenalan diri dengan jumlah denda diputuskan mahkamah bernilai RM205,000," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk **Mohd Shahar Abdulah (PN-Paya Besar)** yang memintanya menyatakan berapa jumlah kes membabitkan agensi pengambilan pembantu rumah tidak berlesen atau *maid-scammer* termasuk dalam talian yang direkodkan dalam tiga tahun kebelakangan ini.

Selain itu, Mohd Shahar turut meminta penjelasan mengenai tindakan tegas Kementerian Sumber Manusia dan agensi penguat kuasa bagi membanteras penipuan, melindungi mangsa dan memastikan hanya agensi berlesen beroperasi.

Abdul Rahman berkata, hanya APS berlesen di-



ABDUL Rahman

benarkan menjalankan proses merekrut pembantu rumah di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246).

"Justeru apabila individu atau agensi beroperasi tanpa lesen, mereka boleh didenda sehingga RM200,000, dipenjarakan maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menjawab kebimbangan Mohd Shahar berhubung lonjakan aduan *maid scammer* di media sosial, beliau berkata, mangsa perlu membuat laporan berkumpulan melalui sistem Single ID.

"Platform ini bertujuan menghalang pembabit pihak ketiga serta memastikan semua transaksi direkodkan di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) untuk pemantauan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan **Dr Halimah Ali (PN-Kapar)** mengenai risiko pembantu rumah menjadi perantara sindiket penipuan, Abdul Rahman berkata, kerajaan menjalankan kerjasama rentas agensi bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), PDRM dan Jabatan Imigresen termasuk operasi bersepadu bagi mengesan pembabit pembantu rumah dalam urusan kewangan atau transaksi digital merentas negara.

"Hanya APS berlesen dibenarkan rekrut pembantu rumah"
Abdul Rahman

Maid recruitment scams on the rise

THIRTY scam cases involving unlicensed domestic helper recruitment, with RM269,772 in losses, were recorded between January 2023 and October 2025, says Deputy Human Resources Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

He said police data showed 11 cases reported in 2023, followed by four in 2024.

The figure rose sharply to 15 cases as of October this year, indicating renewed activity by syndicates exploiting the public through digital platforms, fake advertisements and online offers for non-existent helpers.

Abdul Rahman said the Human Resources Ministry stood firm in its efforts to curb such scams, protect victims and ensure that only licensed recruitment agencies are

allowed to operate.

Under the Private Employment Agencies Act 1981 (Act 246), enforced by the Peninsular Malaysia Labour Department (JTKSM), only licensed Private Employment Agencies (APS) are authorised to handle recruitment, including the hiring and placement of foreign domestic helpers.

Abdul Rahman stressed that unlicensed recruitment is an offence under Section 7(2) of Act 246, which carries a maximum fine of RM200,000, a jail term of up to three years or both.

Between 2023 and 2025, JTKSM prosecuted 13 cases involving APS for various breaches such as operating without a licence under Section 7, failing to comply with licence conditions under Section 9 and not carrying identification

documents during recruitment activities under Section 13D.

"The courts imposed a total of RM205,000 in fines for these offences," he said yesterday.

Abdul Rahman was responding to Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar), who asked for the number of scam cases involving domestic help services, including online scams reported over the past three years, as well as the measures taken to tackle fraud, safeguard victims and ensure only licensed agencies operated in the sector.

He said although the law is clear and the penalties are substantial, offenders continue to take the risk.

"In the digital space, we are working together with the Digital Ministry, police and the



Staying vigilant: Abdul Rahman tells the Dewan Rakyat that his ministry is working with other agencies to curb these scams. — Bernama

Immigration Department through integrated operations," he said, adding that these efforts were crucial to detecting and stopping fraudulent schemes early.

He said enforcement agencies were coordinating to verify the authenticity of online recruitment offers while monitoring compliance with Act 246.